

17/06/2000

Motorola labur RM38j majukan perisian CDMA

Abdul Halim Yusoff; Kadir Dikoh

PUSAT Perisian Motorola Malaysia di Cyberjaya akan berfungsi sebagai pusat pembangunan prasarana perisian selular bagi kod capaian pelbagai bahagian (CDMA) syarikat itu bagi pasaran seluruh dunia.

Motorola, sebuah syarikat penyedia penyelesaian komunikasi bersepadu dunia melabur AS\$10 juta (RM38 juta) bagi membangunkan pusat berkenaan.

Pusat perisian ke-16 daripada 18 pusat seumpama syarikat itu di dunia, mula beroperasi 1 Mac 1999.

Dengan sokongan 80 jurutera perisian, pusat itu sehingga kini sudah berjaya mempatenkan 40 perisian.

Pengurus Negara dan Naib Presiden Motorola Malaysia, Datuk Ramli Abbas, berkata Pusat Perisian Motorola Malaysia itu adalah entiti terbaru berstatus MSC syarikat itu dan sekali gus adalah pernyataan jelas komitmen dan keyakinan syarikat membangunkan kepakaran perisian tempatan.

"Ketika ini, pusat ini memberi tumpuan kepada pembangunan prasarana sistem komunikasi selular iaitu Rangkaian Pengurusan Telekomunikasi dan Rangkaian Pintar," katanya selepas pelancaran pusat itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Cyberjaya, semalam.

Hadir sama Naib Presiden Eksekutif dan Presiden Asia Pasifik Motorola, C D Tam dan Pengarah Urusan Pusat Perisian Motorola Malaysia, S Surya.

Ramli berkata, Pusat Perisian Motorola Malaysia juga meneroka bidang baru terutamanya pembangunan generasi ketiga teknologi CDMA menerusi Gegelung Tanpa Wayar Tempatan dan Dagangan Elektrik (e-dagang).

Mentakrifkan kegiatan pusat itu sebagai `kegiatan belakang tabir' yang teknologinya tidak dapat dilihat pelanggan, Ramli bagaimanapun menegaskan, pusat itu sangat penting bagi pelaksanaan komunikasi.

Katanya, pusat itu memberi tumpuan kepada aplikasi telefon mudah alih dengan membangunkan perisian masa sebenar terutama untuk sistem telekomunikasi mudah alih generasi ketiga CDMA dan generasi ketiga GSM, Sistem GPRS.

Ramli berkata, Motorola yang berada di Malaysia sejak 27 tahun lalu tidak pernah mengabaikan komitmen pelaburannya baik daripada segi memastikan prestasi eksport yang terus cemerlang, penukaran teknologi menyeluruh, melahirkan tenaga kerja yang progresif serta memperkembangkan sektor elektronik di Malaysia.

"Sehingga kini, Motorola di Malaysia sudah melabur lebih RM4.5 bilion dan operasi kami di sini di sokong lebih 8,000 kakitangan yang mana 99 peratus daripadanya adalah rakyat Malaysia," katanya.

(END)